

Ulasan kepada
kenyataan Nik Aziz

UMNO sedia terima siapa saja - Mahathir

UM 17 OCT 1990 (P)

KUALA LUMPUR 16 Okt. - Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, UMNO sentiasa membuka pintunya kepada sesiapa saja yang ingin berbincang dengannya.

Mengulas kenyataan Ketua Dewan Ulama Pas, Haji Nik Aziz Nik Mat yang melahirkan kesediaan berunding dengan UMNO, Perdana Menteri menjelaskan, UMNO memang daripada dulu lagi berbaik dengan Pas tetapi Tengku Razaleigh Hamzahlah yang menyebabkan Pas keluar daripada Barisan Nasional (BN) dan digulingkan di Kelantan.

"Kalau dia (Pas) hendak bercakap dengan kita, kita bercakaplah tapi tengoklah macam mana caranya," tegas beliau kepada para pemberita selepas perjumpaan ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO di rumahnya di sini malam ini.

Menurut Perdana Menteri, beliau hairan setelah Pas dijatuhkan oleh Tengku Razaleigh, kini ia masih sanggup mengadakan kerjasama dengan pemimpin Semangat 46 itu dan juga dengan DAP.

Manifesto Pas tidak lebih daripada apa yang UMNO buat, kita pun nak tegakkan nilai-nilai Islam dan Pas pun tidak sebut lagi tentang 'negara Islam', tambah Dato' Sri Dr. Mahathir.

Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa macam-macam terjadi sejak akhir-akhir ini dan beliau masih belum pasti apa sebabnya Pas mahu berbincang.